

Aktivitis sosial terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UMS

DE 21.10.2012 3

KOTA KINABALU: Aktivis sosial terkemuka negara Tan Sri Lee Lam Thye pada Sabtu dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial sempena Majlis Konvokesyen ke-14 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin, yang juga Canselor UMS, menyampaikan ijazah kehormat itu kepada Lee.

Ketika menyampaikan amanat pada majlis itu, Juhar mahu UMS merangka pembangunan modal kemanusiaan dan sumber insan bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi Malaysia mendatang yang berpengetahuan dan bijaksana.

“Secara peribadi saya melihat, setiap perancangan pembangunan yang bersifat holistik dan konstruktif tidak mampu untuk diwujudkan tanpa disokong utuh oleh modal-modal kemanusiaan yang

berjiwa besar dan mandiri lokal,” katanya.

Beliau berkata penghasilan modal kemanusiaan seumpama itu amat penting dalam konteks alaf ke-21 yang penuh dengan cabaran dan ketidaktentuan.

Juhar berkata fakta menunjukkan negara yang tidak mempunyai modal kemanusiaan yang tinggi akal budi, jiwa raga dan wajah nasionalismenya sendiri bakal berhadapan dengan keruntuhan dan kegagalan kemandirian.

“Setiap jiwa dan warga UMS mesti berganding bahu dan bersepadu mengembangkan tenaga bagi memastikan hasrat negara dapat dicapai dengan penuh konkret.

“UMS mestilah bersama-sama dengan kerajaan dan rakyat Malaysia yang lain bukan sahaja menyokong penuh transformasi negara tetapi turut sama bergabung tenaga memastikan falsafah tersifat

dan tersurat agenda tersebut menjadi kenyataan,” katanya.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata seramai 49 graduan sarjana muda berjaya memperolehi Ijazah Kelas Pertama.

Beliau berkata kejayaan itu merupakan petunjuk kepada peningkatan kualiti akademik dan intelektual para graduan UMS.

Katanya Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMS daripada segi kebolehpasaran graduan UMS pada tahun 2011 menunjukkan bahawa kira-kira 55 peratus graduan UMS mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Sempena majlis konvokesyen itu, sebanyak 4,336 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing dengan 24 daripadanya menerima ijazah Doktor Falsafah dan 277 menerima ijazah sarjana.—Bernama



JUHAR menyampaikan ijazah kehormat kepada Lee.-foto Tracy Patrick.